

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/08/987359/mydigital-laksana-inisiatif-teknologi-dron-pertanian-robot-autonomi>

MyDIGITAL laksana inisiatif teknologi dron pertanian, robot autonomi



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL (CPTF) telah melaksanakan dua inisiatif sejak mesyuarat pertama diadakan pada April lalu iaitu teknologi dron dalam pertanian dan robot berautonomi.

Bagi menggalakkan pertanian jitu atau 'precision farming', jangka waktu proses kelulusan Sijil Kerja Keudara (AWC) bagi operasi penyemburan dron pertanian akan dikurangkan sebanyak 50 peratus melalui pelan penambahbaikan.

Ini dilakukan dengan kerjasama MyDIGITAL Corporation, Kumpulan Aerodyne, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) dan Pasukan Petugas Khas untuk Memudahkan Perniagaan (PEMUDAH).

Sementara itu, sebagai satu inisiatif untuk sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Intel akan memperkenalkan robot berautonomi (AMR) untuk mempromosikan kerjasama antara manusia dan sistem robot.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan Pengerusi Bersama CPTF, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata beliau gembira melihat CPTF memainkan peranan penting dalam memacu dan menjadi pemangkin dalam penggunaan teknologi di Malaysia dalam pelbagai sektor.

"Kami telah mencadangkan beberapa siri perbincangan dan bengkel untuk mewujudkan satu rangka kerja yang boleh dilaksanakan dengan sistematik.

"Beberapa isu yang menyentuh bahagian dasar akan dikemukakan kepada Kabinet untuk perbincangan lanjut bagi memastikan penyelesaian merentasi pelbagai kementerian, sektor industri dan teknologi dapat dicapai," katanya dalam satu kenyataan.

Mesyuarat CPTF kedua yang diadakan pada 9 Ogos lalu pula bersetuju bahawa penyelesaian pintar seperti lebuhraya pintar dan mobiliti pintar akan digunakan dalam sektor pengangkutan dan logistik bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, mengurangkan kesesakan serta menyediakan pengalaman mobiliti yang lancar kepada pengguna jalan raya.

Pada separuh pertama 2022, lebuhraya PLUS telah merekodkan purata kira-kira 1.5 hingga 1.8 juta pengguna harian dan 6,122 kemalangan.

Memandangkan terdapat peningkatan pengguna jalan raya sejak kebelakangan ini, keperluan penggunaan teknologi digital untuk menguruskan aliran trafik menjadi lebih penting.

PLUS, dengan kerjasama Celcom Axiata Bhd, akan memanfaatkan platform CPTF untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan teknologi ini secara berkesan, seterusnya membuka jalan kepada pembangunan lebuhraya yang lebih selamat untuk rakyat.

CPTF juga menyokong dan memudah cara penggunaan kenderaan elektrik (EV) di Malaysia, selaras dengan agenda Agenda Nasional Negara untuk mentauliahkan 10,000 Stesen Pengecas EV menjelang